

# Kanak-kanak mangsa seksual perlu rawat

D.H 16/07/07 M/S 4

Program pencelahan, rawatan awal elak jiwa dan mental alami tekanan untuk

Oleh Nor Affizar Ibrahim

**P**ENDERAAN seksual boleh menyebabkan pelbagai bentuk trauma kepada mangsa dan kerana itulah pencelahan serta rawatan awal amat diperlukan bagi kanak-kanak yang pernah mengalami penderaan seksual.

Rawatan awal penting supaya jiwa dan mentalnya tidak tertekan sehingga menderita dalam diam, sekali gus menjejaskan kesihatan serta perkembangan dirinya.

Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja dari University Hospital Munster di Jerman, Prof Dr Tilman Furniss, berkata kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual boleh berakhir dengan masalah psikiatri, malah boleh bertindak mendera seksual kanak-kanak lain jika tiada rawatan awal.

Beliau berkata, pengalaman penderaan seksual yang dialami kanak-kanak bukan saja menimbulkan trauma, tetapi akan menimbulkan perasaan kebimbangan dan kekeliruan sehingga mungkin boleh melakukan penderaan seksual kepada kanak-kanak lain bagi mengurangkan tekanan dalam diri.

"Keadaan ini sama seperti apabila serangan dilakukan terhadap mangsa dan dia mungkin bertindak balas menyerang orang lain. Selain gejala itu, kanak-kanak mangsa penderaan seksual juga mungkin akan mendera diri sendiri," katanya pada bengkel perbincangan Penderaan Seksual: Pencelahan ke atas Kanak-kanak dan Keluarga di Hotel Concorde, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Bengkel itu diadakan sempena Persidangan Ke-6 Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak Kebangsaan bertemakan, 'Penderaan Kanak-kanak - Status Perlindungan Kanak-kanak di Malaysia: Peranan Agensi Pelbagai Disiplin'.

Dr Furniss berkata, kanak-kanak yang masih kecil, fikirannya tidak membangun secara kognitif tetapi mereka pelajari daripada maklum balas yang diterima.

Oleh itu, amat penting bagi orang dewasa supaya tidak menjauhkan diri

daripada kanak-kanak apabila mereka bertindak dalam keadaan tingkah laku seksual, sebaliknya menstruktur tindakan positif untuk mengetahui mengapa kanak-kanak berkenaan berbuat demikian.

Beliau turut memberikan contoh satu kes yang mana seorang kanak-kanak berusia tiga tahun dibawa untuk dirujuk kepada pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja. Masalah dihadapi kanak-kanak itu ialah beliau didapati cuba mendera seksual kanak-kanak lain.

Berdasarkan fakta kes, kanak-kanak yang dipelihara oleh keluarga angkat itu dikatakan melakukan tingkah laku seks terhadap anak lelaki berusia lima tahun dalam keluarga berkenaan. Ini menyebabkan kanak-kanak lelaki itu berada dalam keadaan tertekan.


"Kanak-kanak perempuan itu pernah menjadi mangsa penderaan seksual bapa kandungnya. Perbuatan itu dilakukan ketika dia didukung oleh bapanya. Kanak-kanak berkenaan menyangkakan itu adalah cara untuk bersikap baik dengan lelaki," katanya.

Bagi membantu kanak-kanak perempuan itu, beliau berkata keluarga angkat perlu mendukungnya dan apabila berbuat demikian, perbetulkan keadaan sebenar dengan mengaitkan tingkah laku itu melalui cara yang emosional serta penuh kasih sayang.

Dr Furniss berkata, kanak-kanak yang didera turut melalui pengalaman terlalu memendam perasaan dan tidak boleh fokus apa dipelajarinya.

Katanya, sebab itulah jika orang dewasa terlalu mendesak dan memberikan tekanan kepada kanak-kanak, bukti yang ada bahawa dirinya menjadi mangsa penderaan seksual mungkin musnah.

"Gunakan bahasa sesuai dengan kanak-kanak mangsa penderaan seksual apabila bercakap mengenai pengalamannya dan tanya di mana dia mempelajari tingkah laku itu. Malah, tiada guna bertanya kepada kanak-kanak itu bagaimana dia merasakan tabiat seks dilakukan terhadapnya kerana dia tidak tahu konsep sebenarnya.



**TAKUT:** Kebimbangan dan kemurungan antara mangsa penderaan seksual.

Ada pelbagai lagi kes perubahan tingkah laku, fizikal dan mental terhadap kanak-kanak yang pernah menjadi mangsa penderaan seksual seperti kemurungan, cuba membunuh diri dan masalah gangguan Kecelaruan Tumpuan dan Kelasakan (ADHD).


Tetapi yang bahayanya, kanak-kanak ini boleh menjadi pendera apabila dewasa dan sebab itu mereka perlukan bantuan.

Dr Furniss berkata, seorang kanak-kanak lelaki mengalami masalah ADHD yang pernah dirujuk kepadanya, akhirnya didiagnos pernah didera beberapa kali. Bagaimanapun, selepas tujuh kali sesi kaunseling bersama beliau, kanak-kanak berkenaan pulang ke rumah tanpa masalah ADHD.

"Adalah tidak beretika memberikan ubatan kepada kanak-kanak ADHD tanpa merawat kekacauan emosi atau psikiatri dialami," katanya.

# sa dera tan segera

ialani kehidupan normal apabila dewasa



GAMBAR HIASAN

ntara gejala kanak-kanak yang didera

Beliau berkata, kajian yang pernah dibuatnya turut mendapati, penderaan seksual di kalangan kanak-kanak kebanyakan berlaku ketika mereka berusia lima hingga sembilan tahun lagi.

Bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, perkara itu akan terbongkar apabila kanak-kanak berkenaan meningkat usia 13 hingga 16 tahun atau mencapai usia baligh.

Keadaan ini berlaku kerana ketika usia masih kecil, kanak-kanak berkenaan takut dan mulai tidak percaya orang lain sama ada keluarga atau masyarakat. Faktor lain, mungkin kanak-kanak itu masih inginkan perlindungan dan kasih sayang daripada ayah atau bapa saudara yang menderanya, tetapi pada masa sama tidak mahu diperlakukan demikian.

"Logiknya, pada usia itu kanak-kanak tidak boleh bertikam lidah untuk meminta bantuan atau boleh meyakinkan orang lain. Keadaan ini

berbeza apabila usia sudah mencapai 13 tahun ke atas, sudah boleh meluahkan dan apabila mencapai usia 16 tahun mereka sendiri boleh berjumpa doktor," katanya.

Hasil kajian Dr Furnis juga mendapati, penderaan seksual membabitkan dua pertiga kanak-kanak perempuan, manakala selebihnya lelaki. Bagaimanapun, kanak-kanak lelaki yang menjadi mangsa penderaan seksual paling penting diberikan rawatan awal kerana mereka langsung tidak membuka cerita mengenai kejadian itu.

Keadaan ini disebabkan, pada prinsipnya mereka percaya lelaki tidak boleh menjadi mangsa.


Justeru, jika hendak mencegah keganasan seksual, perhatian juga perlu diberi kepada kanak-kanak lelaki kerana realitinya dalaman jiwa dan mental kanak-kanak perempuan lebih kuat berbanding lelaki.

"Seperti lelaki dewasa, kanak-kanak lelaki juga bersikap tipikal dan selalu menganggap dirinya ada kuasa dan perlu menjadi pelindung serta bukan menjadi mangsa. Sikap seperti ini bukan saja ada pada dalam kehidupan manusia, tetapi juga dalam dunia haiwan yang mana haiwan jantan menganggap lebih gagah dan melindungi haiwan betina," katanya.

Beliau berkata, penderaan seksual keganasan fizikal pada kanak-kanak lazimnya dilakukan ahli keluarga dan ia berlaku tidak terkecuali di kalangan doktor, peguam dan profesional lain. Pendera pula bukan saja lelaki, tetapi juga membabitkan wanita.

Penderaan seksual dalam keluarga turut menimbulkan banyak masalah lain kerana ia membabitkan konflik kesetiaan dan nama baik keluarga tercemar. Oleh itu, ada ibu tidak akan mendedahkan kejadian berkenaan sebab bimbang memusnahkan hubungan keluarga.

Fakta penting lain yang ditemui turut mendapati, pendera seksual selalunya merancang untuk mengenakan mangsa. Misalnya, suami mungkin menyuruh isterinya keluar berjalan dan membawa anak lain serta menyatakan



**“Kanak-kanak mempunyai hak untuk membesar dengan pembangunan yang sihat dan fizikal dan mental yang baik. Ini penting bukan saja baik ketika masih kanak-kanak, tetapi juga apabila dewasa, mereka sendiri akan menjadi ibu bapa yang baik”**

**Dr Tilman Furniss**

Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan  
Raja University Hospital Munster, Jerman

kesanggupannya untuk melakukan kerja rumah. Apabila isteri dan anak lain keluar, ketika itulah suami melakukan perkara terkutuk kepada anak yang ditinggalkan di rumah.

Katanya, melakukan penderaan seksual bukan berkaitan personaliti, tetapi masalah pelaku dalam menangani dan berdepan dengan tekanan. Ada individu mengambil alkohol untuk menyelesaikan tekanan dan ada yang berlari, makan atau cuba tidur untuk mententeramkan diri. Begitulah juga cara pendera dalam mengatasi masalah tekanan dan ini menyebabkan sukar untuk mengenal pendera.

"Kanak-kanak mempunyai hak untuk membesar dengan pembangunan yang sihat dan fizikal dan mental yang baik. Ini penting bukan saja baik ketika masih kanak-kanak, tetapi juga apabila dewasa, mereka sendiri akan menjadi ibu bapa yang baik," katanya.

## Penderaan seksual kanak-kanak

- Bukan berkaitan personaliti, tetapi masalah pelaku dalam menangani dan berdepan dengan tekanan.
- Lazimnya dilakukan ahli keluarga.
- Pendera pula bukan saja lelaki, tetapi juga membabitkan wanita.
- Pendera seksual selalunya merancang untuk mengenakan mangsa.
- Penderaan seksual dalam keluarga menimbulkan banyak masalah lain kerana membabitkan konflik kesetiaan dan nama baik keluarga tercemar.
- Boleh menyebabkan pelbagai bentuk trauma kepada mangsa.

ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN | BERITA HARIAN



**FOKUS:** Antara peserta yang menghadiri bengkel perbincangan 'Penderaan Seksual: Pencelahan ke atas Kanak-kanak dan Keluarga' di Hotel Concorde, Kuala Lumpur, baru-baru ini.